


JAWATANKUASA TEKNIKAL - JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR

## TATACARA PEMPROSESAN PERMOHONAN SECARA RUNDINGAN DI BAWAH SEKSYEN 20A

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)

**BUKU PANDUAN**



# **SENARAI KANDUNGAN**

TATACARA PEMPROSESAN PERMOHONAN SECARA RUNDINGAN DI BAWAH SEKSYEN 20A  
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)

# **BUKU PANDUAN**

## **Muka Surat**

<b>PRAKATA</b>	i
<b>LATARBELAKANG</b>	1
<b>PENGENALAN JAWATANKUASA TEKNIKAL-JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR</b>	4
Matlamat Jawatankuasa Teknikal-Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor	4
Fungsi Jawatankuasa Teknikal-Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor	4
<b>KEAHLIAN JAWATANKUASA TEKNIKAL-JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR</b>	6
<b>PROSES PERMOHONAN</b>	7
Enam Proses Permohonan	7
Senarai Semak Permohonan	10
<b>PENUTUP</b>	13

## **LAMPIRAN**

### **SENARAI JADUAL**

Jadual 1 : Keahlian Jawatankuasa Teknikal-Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor	6
--	---

### **SENARAI RAJAH**

Rajah 1 : Carta Alir Proses Permohonan Secara Rundingan Jawatankuasa Teknikal – Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor	9
--	---

### **SENARAI BORANG**

JPBD.Sel.JKTJPNS/B1 : Permohonan Rundingan & Senarai Semak

JPBD.Sel.JKTJPNS/B2 : Surat Aku Janji

## PRAKATA

TATACARA PEMPROSESAN PERMOHONAN SECARA RUNDINGAN DI BAWAH SEKSYEN 20A  
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)

# BUKU PANDUAN

Buku Panduan ini disediakan bagi menjelaskan proses dan tatacara pelaksanaan Jawatankuasa Teknikal-Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor dalam memproses permohonan secara rundingan bagi **projek-projek kerajaan** yang dirancang dan dilaksanakan oleh **Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta lain-lain jabatan dan agensi yang berkaitan di peringkat negeri atau persekutuan** di Negeri Selangor Darul Ehsan.

Ketetapan ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172) 1976 dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil 5/2009 (Kertas Bil. 10/5/2009), bertarikh 30 Oktober 2009 serta Pekeliling KSU Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (02) 799/6 Klt.9(9) bertarikh 14 Oktober 2009.


Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) menghendaki setiap jabatan atau agensi kerajaan berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) berkenaan aktiviti pemajuan yang hendak dijalankannya. Ini adalah bagi membolehkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengambil maklum berkenaan dengan projek pembangunan yang hendak dilaksanakan dan mengelakkan kemungkinan pemajuan berkenaan terkeluar daripada perancangan dan seterusnya menyulitkan kerja-kerja penyelarasan pembangunan fizikal di kawasan tersebut.

Kandungan buku panduan ini merangkumi aspek-aspek fungsi, peranan dan keahlian Jawatankuasa Teknikal-Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor (JKT-JPNS) dan tatacara pemprosesan permohonan secara rundingan. Adalah diharapkan dengan penyediaan buku panduan ini, pihak-pihak yang terlibat dapat memahami dengan lebih jelas berhubung dengan proses dan keperluan semasa mengemukakan permohonan.

- Di Dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara Bilangan 2 pada 30 April 2009**, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah membentangkan kertas kerja mengenai “Kelewatan Kelulusan Kebenaran Merancang Dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) – Isu Dan Cadangan Penyelesaian”.
- **Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara Bilangan 3 pada 21 Mei 2009** bersetuju dengan cadangan penambahbaikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi mempercepatkan projek-projek kerajaan melalui rundingan dengan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172).
- Memorandum bertajuk “Penambahbaikan Urusan Perakuan Semua Projek Jabatan Kerja Raya Melalui Rundingan dan Pengecualian Kebenaran Merancang” telah dibentangkan di dalam **Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009**. Mesyuarat bagi membincangkan kertas-kertas Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009 yang dipengerusikan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri pada 17 Julai 2009 dan bersetuju :
  - Supaya takrifan yang jelas diberikan kepada proses “perundingan” yang tidak menunjukkan sebagai proses mendapatkan kelulusan ;
  - Supaya JKR hendaklah mematuhi syarat-syarat dan keperluan semua agensi teknikal sebelum mengemukakan cadangan pemajuan kepada Jawatankuasa Teknikal JPN ; dan
  - Supaya tempoh masa bagi proses rundingan hendaklah ditentukan bagi menepati keperluan pihak yang terlibat iaitu JKR dan Jawatankuasa Teknikal JPN.
- **Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Ogos 2009** telah menimbang dan bersetuju dengan penambahbaikan urusan rundingan dengan JPN di bawah seksyen 20A, Akta 172 bagi projek-projek kerajaan yang diurus dan diselia oleh JKR.

- **Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan MNKT Ke-62 pada 17 September 2009** telah menimbang dan bersetuju dengan cadangan penambahbaikan urusan rundingan dengan JPN di bawah seksyen 20A, Akta 172 bagi projek-projek Kerajaan yang diurus dan diselia oleh JKR.
  
- Lanjutan dengan keputusan ini, satu Pekeliling telah dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Bilangan 7 tahun 2009 bertarikh 14 Oktober 2009.
  
- Kerajaan Negeri Selangor melalui Keputusan **Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 3/2011 yang bersidang pada 20 September 2011** dan keputusan **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 22/2011 yang bersidang pada 22 Jun 2011** telah bersetuju supaya skop rundingan JKT-JPNS ini diperluaskan bagi projek-projek **MRT Sungai Buloh - Kajang**.
  
- Pada **Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 4/2011 yang bersidang pada 6 Disember 2011**, mesyuarat telah bersetuju bahawa skop tugas JKT-JPNS diperluaskan sekali lagi untuk rundingan **bagi projek-projek sistem pembentungan (sewerage treatment system)** di kawasan **Majlis Perbandaran Klang (MPK)** dan **Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)**.
  
- **Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kali Ke 2 / 2015 yang di adakan pada 14 Januari 2015** yang telah di sahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kali Ke 3 / 2015 pada 21 Januari 2015 juga bersetuju mengambil maklum cadangan **Projek Mass Rapid Transit (MRT) Laluan 2 daripada Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya** dan meminta MRT Corp. meneruskan rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Perancang Negeri selaras dengan Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172).
  
- Berdasarkan **Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bilangan 1 / 2015 yang bersidang pada 12 Februari 2015** juga menekankan bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah membuat ketetapan bahawa **projek-projek pembangunan infrastruktur seperti lebuhraya, LRT, MRT, Rel Berkelaian Tinggi, Talian Voltan Tinggi, Janakuasa dan lain-lain projek berskala besar serta melibatkan implikasi kepada alam sekitar serta penduduk perlu melalui proses rundingan dengan Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Perancang Negeri selaras dengan Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172).**

- Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 32/2015 yang bermesyuarat pada 7 Oktober 2015 telah menimbang dan meluluskan permohonan pengecualian Kebenaran Merancang oleh MRT Corp bagi stesen dan bangunan untuk Projek Mass Rapid Transit Laluan 2 Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (MRT2).



## **Matlamat Jawatankuasa Teknikal-Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor**

Membolehkan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) mengambil maklum dan menyelaras perkara dasar, peruntukan akta, syarat-syarat teknikal berkenaan projek-projek Kerajaan yang hendak dilaksanakan. Proses rundingan ini untuk memastikan pembangunan tersebut adalah selaras dengan perancangan keseluruhan dan memudahkan kerja-kerja penyelarasannya fizikal.

Bagi cadangan projek-projek pembangunan infrastruktur utama, perkara-perkara yang dirunding adalah meliputi:-

- Jajaran laluan atau lokasi kemudahan yang mengambil kira faktor zoning, gunatanah, koridor pembangunan, penjanaan ekonomi, kemudahsampaian, kesan kepada alam sekitar, sosial dan pemilikan tanah.
- Pematuhan kepada dasar, peruntukan akta, garis panduan, peraturan dan syarat-syarat teknikal yang perlu di patuhi semasa perancangan dan pelaksanaan projek.

## **Fungsi Jawatankuasa Teknikal-Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor**

Fungsi JKT-JPNS termasuklah:-

- Sebagai penasihat kepada permohonan secara rundingan bagi projek-projek kerajaan yang dirancang dan dilaksanakan Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta lain-lain jabatan dan agensi yang berkaitan di peringkat negeri atau persekutuan di Negeri Selangor Darul Ehsan.
- Menilai jajaran dan lokasi projek selaras dengan dasar, strategi, peruntukan akta, halatuju, rancangan struktur, rancangan tempatan, garispanduan dan syarat-syarat teknikal agensi serta jabatan di peringkat negeri Selangor

- Menyelaras bersama agensi-agensi teknikal peringkat Negeri Selangor berkenaan cadangan-cadangan projek pembangunan infrastruktur seperti lebuhraya, LRT, MRT, Rel Berkelajuan Tinggi (HSR), Talian Voltan Tinggi, Janakuasa, sistem pembetungan dan lain-lain yang melibatkan implikasi kepada penduduk dan alam sekitar.
- Memperaku dan memaklumkan keputusan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor / Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES)



## **KEAHLIAN JAWATANKUASA TEKNIKAL - JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI SELANGOR**

TATACARA PEMPROSESAN PERMOHONAN SECARA RUNDINGAN DI BAWAH SEKSYEN 20A  
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)

## **BUKU PANDUAN**

Keahlian JKT-JPNS mengandungi 15 ahli seperti Jadual 1 di bawah. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor serta dipengerusikan bersama Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor manakala Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor sebagai urusetia.

**Jadual 1 : Keahlian Jawatankuasa Teknikal-Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor**

<b>PENGERUSI</b>	Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
<b>PENGERUSI BERSAMA</b>	Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor
<b>AHLI</b>	Yang Di Pertua PBT berkaitan Pengarah Pejabat Tanah dan Galian/Pentadbir Tanah Daerah Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Pengurus Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia Pengurus Besar Indah Water Konsortium Syarikat Bekalan Air Selangor Pengarah Lembaga Urus Air Selangor Jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan akan dijemput dari semasa ke semasa.
<b>URUSETIA</b>	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor

Jabatan-jabatan teknikal selaku Ahli JKT-JPNS hendaklah menyelesaikan isu-isu berkaitan teknikal semasa proses rundingan dijalankan manakala Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi teknikal hendaklah melaksanakan keputusan jawatankuasa dan memantau semasa pelaksanaan projek.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor akan memainkan peranan utama bagi memastikan urusan memudahkan rundingan dengan mengambilkira segala aspek di peringkat perancangan dan pelaksanaan.


# PROSES PERMOHONAN

TATACARA PEMPROSESAN PERMOHONAN SECARA RUNDINGAN DI BAWAH SEKSYEN 20A  
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)

# BUKU PANDUAN

## Enam Proses Permohonan

Terdapat enam peringkat Proses Permohonan Urusan Secara Rundingan JKT-JPNS iaitu :



- Proses urusan rundingan bagi permohonan urusan secara rundingan JKT-JPNS adalah seperti berikut:
- Pemohon kemukakan senarai cadangan projek berserta pelan dan dokumen berkaitan kepada urusetia**  
Pemohon hendaklah mengemukakan senarai cadangan projek yang akan dijalankan berserta pelan dan dokumen yang lengkap (tidak termasuk pelan bangunan) kepada urusetia. Bilangan pelan yang perlu disertakan adalah sebanyak 16 salinan dan bilangan ini adalah bergantung kepada bilangan Ahli JKT-JPNS. Cadangan-cadangan projek yang dikemukakan oleh pemohon hendaklah mengandungi maklumat perancangan yang lengkap.

**b) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal-Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor**

Jawatankuasa Teknikal-Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor dengan kuasa yang diperturunkan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri akan berunding dan menyelaraskan perkara-perkara teknikal.

**c) Pemakluman Kepada Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor**

Setiausaha Jawatankuasa Teknikal-Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor akan memaklumkan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri berkenaan projek-projek yang telah dirunding. Pemakluman rundingan juga akan dimaklumkan kepada pihak berkuasa tempatan berkaitan.

**d) Pembentangan Untuk Pertimbangan Kerajaan Negeri Selangor Melalui MTES**

Bagi projek pembangunan infrastruktur utama, Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri akan mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk pertimbangan dan keputusan.


➤ Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor selaku Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor setelah menerima permohonan yang mengandungi maklumat perancangan yang lengkap daripada pemohon, hendaklah mengadakan rundingan.

➤ Pemohon hendaklah bertanggungjawab ke atas perkara-perkara berikut:

- a) Cadangan pemajuan adalah selaras dengan Rancangan Tempatan kawasan berkenaan
- b) Perihal tanah seperti tukar syarat, pecah sempadan, cantuman, pecah bahagian atau pengambilan balik tanah telah diselesaikan\*
- c) Mengambilkira perkara-perkara yang telah diselaraskan semasa proses rundingan bagi memastikan pandangan dan ulasan jabatan-jabatan teknikal diambilkira serta dipatuhi
- d) Mengemukakan surat aku janji (*letter of undertaking*) kepada Urusetia JKT-JPNS
- e) Mengambilkira garispanduan, pekeliling, arahan dan syarat-syarat lain Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa

➤ Carta alir proses permohonan urusan secara rundingan JKT-JPNS adalah seperti Rajah 1.

**Rajah 1 : Carta Alir Proses Permohonan Secara Rundingan Jawatankuasa Teknikal –  
Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor**



\* Contoh Borang terdapat di Bahagian Lampiran

## **Senarai Semak Permohonan Bagi Projek JKR**

Berikut adalah senarai semak yang perlu dikemukakan secara lengkap sewaktu permohonan dibuat  
(Rujuk Borang : JPBD.Sel.JKT JPNS/B1 )

### **A. PELAN**

- i. 16 Salinan pelan susun atur berserta pelan kunci, pelan lokasi, garisan kontur dan maklumat asas cadangan pemajuan. (Format pelan rujuk Lampiran A)\*
- ii. 16 Salinan pelan jalan dan parit\*\*
- iii. 16 Salinan pelan saliran\*\*
- iv. 16 Salinan pelan kerja tanah (menunjukkan *platform level*) \*\*
- v. 16 Salinan pelan-pelan lain yang berkaitan, jika perlu (*Nyatakan pelan: .....* ) \*\*
- vi. 1 Salinan *softcopy* dalam bentuk cd pelan susunatur berformat *AutoCAD 2000/LT 2000 Drawing (\*.dwg)* yang mengandungi:
  - a. Unjuran – “*Cassini Projection*”
  - b. Unit Skil 1 : 1
  - c. Mengandungi titik koordinat sebenar (*Real Coordinate*)

### **B. DOKUMEN**

- i. 2 Surat Aku Janji
- ii. 2 Salinan Surat Pengambilan dan Penyerahan Tanah
- iii. 2 Salinan Surat Status Tanah
- iv. 16 Salinan Laporan Cadangan Pemajuan yang mengandungi :
  - Justifikasi Projek
  - Alternatif cadangan dengan penilaian dan analisis pemilihan alternatif
  - Hasil kajian yang di jalankan seperti kesan kepada gunatanah, zon pembangunan, SIA, EIA dan TIA
  - Hasil sessi perbincangan dan dialog bersama YB. Ahli Dewan Undangan Negeri, YB. Ahli Parlimen, pihak-pihak berkepentingan dan penduduk yang terlibat (Maklum balas dan langkah-langkah penyelesaian terhadap bantahan, isu, kerisauan dan cadangan yang dikemukakan)
- v. Laporan-Laporan lain yang berkaitan, jika perlu (*Nyatakan laporan: .....* )

\*Bilangan pelan berkemungkinan akan bertambah jika melibatkan jajaran atau pertambahan jabatan teknikal yang memberi ulasan mengikut permohonan

\*\* keperluan pelan adalah bergantung kepada jenis permohonan

Permohonan yang tidak lengkap, tidak akan diterima di kaunter penerimaan urusetia

## **Senarai Semak Permohonan Bagi MRT / LRT / HSR DAN LEBUHRAYA**

### **A PELAN CADANGAN / JAJARAN**

- i. Dua Puluh Lima (25) salinan pelan susunatur berwarna saiz AO/A1
- ii. Disediakan oleh Jururancang Bandar Bertauliah / Arkitek dan ditandatangani oleh pemilik tanah yang sah dengan nombor kad pengenalan yang sah, Pemaju (jika berkaitan) dan pemegang amanah yang diberi kuasa (jika berkaitan).
- iii. Arah mata angin dan bacaan Qiblat
- iv. Tajuk Permohonan
- v. Petunjuk Gunatanah yang menunjukkan pecahan gunatanah (keluasan, peratus, bilangan unit, warna mengikut kegunaan tanah, ukuran, bilangan tingkat, no. syit pelan dll)
- vi. Pelan Kunci dan Pelan Lokasi
- vii. Skala yang bersesuaian

### **B LAPORAN CADANGAN PEMAJUAN (LCP)**

- i. Dua Puluh Lima (25) salinan Laporan Cadangan Pemajuan (Saiz A4) yang disediakan dan disahkan oleh Jururancang Bandar Bertauliah
- ii. Tujuan projek
- iii. Latarbelakang
- iv. Perihal tapak
  - Lokasi dan persekitaran
  - Hakmilik tanah dan sekatkan kepentingan
- v. Analisa keadaan semasa
  - Keadaan tapak dan sekitar
  - Saliran semulajadi
  - Akses dan lalulintas
  - Kualiti Alam Sekitar
  - Keadaan Sosio ekonomi tapak dan sekitar
  - Keadaan Pembangunan tapak dan sekitar
  - Pembangunan dan vista
- vi. Proses perancangan
  - Keadaan tapak dan sekitar
    - Kajian kemungkinan
    - Alternatif jajaran / lokasi kemudahan / stesyen / depoh
    - Penilaian / analisa kepada alternatif
    - penilaian / analisis kepada alternatif
    - justifikasi pemilihan jajaran / lokasi terpilih
- vii. Impak pembangunan fizikal
  - Pematuhan / penyelarasan dengan dasar RSN/RT
  - Pematuhan kepada zoning
  - Impak gunatanah / cadangan pengambilan tanah
  - Pembangunan komited

- viii. Cadangan kemudahan / komponen pembangunan
  - Lokasi Stesyen
  - Lokasi Depoh
  - Lokasi Persimpangan
  - Lokasi RNR
  - Lokasi Park n Ride
- ix. Cadangan Konsep Pembangunan komponen masa hadapan
  - Perniagaan
  - Kediaman
  - Kemudaha-kemudahan berkaitan
- x. Laporan dan kajian-kajian yang berkaitan
  - EIA
  - SIA
  - TIA
  - Hasil perbincangan dan ‘public engagement’ bersama ADUN/Ahli Parlimen/ ahli majlis dan penduduk
  - Lokasi Park n Ride

### C


### DOKUMEN SOKONGAN YANG PERLU DI KEMUKAKAN

- i. Dua (2) Surat Akujanji
- ii. Dua (2) Salinan Surat Pengambilan dan Penyerahan Tanah
- iii. Dua (2) Salinan Surat Status Tanah
- iv. Satu (1) Salinan *softcopy* dalam bentuk cd pelan susunatur berformat *AutoCAD 2000/LT 2000 Drawing (\*.dwg)* yang mengandungi:

Unjuran – “*Cassini Projection*”

Unit Skil 1 : 1

Mengandungi titik koordinat sebenar (*Real Coordinate*)



## PENUTUP

TATACARA PEMPROSESAN PERMOHONAN SECARA RUNDINGAN DI BAWAH SEKSYEN 20A  
AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)

## BUKU PANDUAN

Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan Urusetia Jawatankuasa Teknikal-Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor berpusat di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor.



*Urusetia,  
Jawatankuasa Teknikal  
Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor,  
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor,  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14,  
**40646 SHAH ALAM***

**No. Tel** : 03-5511 6666  
**No. Faks** : 03-5511 3557

En. Nur Hisham Bin Sharuddin (Samb : 5497)  
Pn. Salfarina bt. Salleh (Samb : 5511)

# **LAMPIRAN**

**CADANGAN PEMAJUAN OLEH .....** *(Pemohon)*

(Kewajipan untuk berunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri; Seksyen 20A Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172])

Rujukan Tuan : .....

Rujukan JPBD : .....

Tarikh : .....

**Urusetia Jawatankuasa Teknikal  
Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor**  
Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor  
Tingkat 15 – 18, Bangunan Darul Ehsan  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14  
40646 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan

Tuan,

**Permohonan Secara Rundingan Di Bawah Seksyen 20A, Akta Perancangan Bandar  
dan Desa 1976 (Akta 172) Bagi Cadangan**

*(Tajuk Permohonan)*

Saya, bagi pihak ..... *(T... e t u a . n)*....., dengan ini mengemukakan permohonan cadangan pemajuan untuk rundingan dengan Jawatankuasa Teknikal-Jawatankuasa Perancang Negeri (JKT-JPNS) berkenaan dengan pemajuan tersebut.

2. Bersama-sama ini disertakan keperluan sebagaimana yang dikehendaki:

**A. PELAN**



16 Salinan pelan susun atur berserta pelan kunci, pelan lokasi,  
garisan kontur dan maklumat asas cadangan pemajuan



16 Salinan pelan jalan dan parit



16 Salinan pelan saliran



16 Salinan pelan kerja tanah (menunjukkan *platform level*)



16 Salinan pelan-pelan lain yang berkaitan, *jika perlu*  
*(Nyatakan pelan: ..... )*

- 1 Salinan softcopy dalam bentuk cd pelan susunatur berformat *AutoCAD 2000/LT 2000 Drawing (\*.dwg)* yang mengandungi:
- a. Unjuran – “Cassini Projection”
  - b. Unit Skil 1 : 1
  - c. Mengandungi titik koordinat sebenar (Real Coordinate)

### C. DOKUMEN

2 Salinan Surat Aku Janji (*letter of undertaking*)

2 Salinan Surat Pengambilan dan Penyerahan Tanah

2 Salinan Surat Status Tanah

16 Salinan Laporan Penerangan Cadangan Pemajuan

Laporan-laporan lain yang berkaitan (*jika perlu*)  
(Nyatakan Laporan: ..... )

3. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

### “BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(.....)

*(Ketua Pengarah / Pengarah Pemohon)*

( Pemohon)

## SURAT AKU JANJI

Adalah dengan ini ..... ( Pemohon) ..... beralamat di  
.....  
(Alamat)

dengan ini berjanji bahawa Permohonan .....  
(Tajuk Permohonan)

..... akan dilaksanakan dengan mengambil kira perkara-perkara yang telah dimaklumkan dalam rundingan bersama Jawatankuasa Teknikal kepada Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor.

Maka dengan ini, ..... ( Pemohon) juga berjanji akan:

- i) Memastikan semua syarat teknikal sepertimana yang telah dirundingkan bersama dipatuhi sepenuhnya; dan
- ii) Bertanggungjawab ke atas pemajuan tersebut serta apa-apa kacau ganggu yang mungkin timbul sama ada sebelum, semasa dan selepas pelaksanaannya.

Sekiranya, pihak ..... ( Pemohon ) ..... ini gagal dalam mematuhi syarat-syarat sebagaimana ditetapkan dalam keputusan rundingan tersebut, maka Kerajaan Negeri Selangor boleh mengambil tindakan ke atas Jabatan ini berdasarkan undang-undang berkaitan yang terpakai bagi negeri tersebut.

(Ketua Pengarah/Pengarah Pemohon)

Tandatangan Pegawai Selia Projek

Tandatangan Saksi

Nama Penuh:.....

Nama Penuh:.....

Jawatan :.....

No.Kad Pengenalan:.....

No.Kad Pengenalan:.....

Jawatan :.....

Tarikh : .....

Tarikh : .....

Cop Rasmi

Diisi oleh Urusetia :

Keputusan JKT-JPN Selangor Bil. .... bertarikh .....

Cop Rasmi Urusetia JKT-JPN Selangor

																							
PELAN KUNCI	PELAN LOKASI	PELAM SUSUTATUE TAJUK PERMOHONAN																					
		PETUNJUK																					
		PEN6URUS PROJEK																					
		TAN OATANCAN PEMILIK																					
		TANDATANGAN PERANCANG BANDAR / ARKITEK BERDAFTAR																					
		PROJEK PEMBINAAN BERSAMA																					
		TAJUK PELAN PEOP SUSIJH&TdR. PEL#4 KUNCI I																					
		<table border="1" data-bbox="1875 1429 2144 1532"> <tr> <td>SKALA:</td> <td>1:1000</td> <td>UNIT:</td> <td>MM</td> </tr> <tr> <td>DATE:</td> <td>WOO</td> <td>NAME:</td> <td></td> </tr> <tr> <td>SIGN:</td> <td></td> <td>COMPANY:</td> <td></td> </tr> <tr> <td>APLA:</td> <td>11/03/03</td> <td>REVISI:</td> <td>1.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4">NO RUJUKAN PELAN :</td> </tr> </table>	SKALA:	1:1000	UNIT:	MM	DATE:	WOO	NAME:		SIGN:		COMPANY:		APLA:	11/03/03	REVISI:	1.00	NO RUJUKAN PELAN :				
SKALA:	1:1000	UNIT:	MM																				
DATE:	WOO	NAME:																					
SIGN:		COMPANY:																					
APLA:	11/03/03	REVISI:	1.00																				
NO RUJUKAN PELAN :																							

## PELAN SUSUNA"UR